

Lebih 100,000 rakyat serta perhimpunan

KUALA LUMPUR, Rabu — Lebih 100,000 rakyat berbilang kaum di seluruh negara termasuk kakitangan sektor awam dan swasta turut menyertai perhimpunan dan perarakan Hari Kebangsaan ke-26 di setiap negeri dengan semangat kerjasama dan bersatu padu.

Selain itu, rakyat seluruh negara juga berpeluang menyaksikan acara kemuncak perayaan di Padang Kelab Selangor di sini menerusi kaca TV masing-masing mulai jam 8 pagi.

Perayaan tahun ini yang bertema akan Bersama ke Arah Kemajuan' agak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Perayaan ini menekankan penyertaan sektor swasta sejajar dengan konsep persyarikatan Malaysia dan pengamalan wawasan yang sedang dilaksanakan.

Murid-murid sekolah juga berpeluang menonton wayang percuma di kebanyakan pawagam di seluruh negara pada jam 11 pagi.

Pembesaran perhimpunan dan perarakan peringkat negeri. Mereka juga mengadakan majlis jamuan teh di kediaman rasmi di masing-masing negeri bagi meraikan hari yang bergesjar ini.

Serentak dengan perayaan Hari Kebangsaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan permulaan Rangkaian Kedua TV Malaysia ke Sabah dan Sarawak.

DI WILAYAH PERSEKUTUAN: Kira-kira 25,000 peserta dan orang ramai menghajiri Padang Kelab Selangor di sini mulai jam 6 pagi.

Seramai 4,000 orang dari jumlah 15,000 peserta yang mengambil bahagian dalam perarakan adalah dari sektor swasta.

Antaranya 200 orang dari Petronas, 125 dari Kumpulan Guthrie, 300 orang dari Motorola Malaysia, 200 orang dari National Semiconductor, 166 dari Harrison Malaysia Plantations, 200 orang dari Syarikat Esso dan 170 orang dari Syarikat Shell.

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Raja Permaisuri Agong,

Laporan sekitar Hari Kebangsaan oleh: **AHMAD PUAD ONAH, AIRY LIM, HANIZAM ABDULLAH, DELAILA HUSSEIN, NORHAYATI MD SAID, ROHAYA ISHAK**

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Menteri-Menteri Kabinet turut hadir di upacara itu.

Beberapa Pengerusi Parti Komunis Malaysia, Enik Musa Ahmad dan lebih 400 pejuang anti Malayan Union juga menyertai perhimpunan dan perarakan rakasa itu.

DI PERLIS: Perbarisan pagi ini disertai oleh 2,000 orang anggota tentera, polis, kakitangan kerajaan, murid-murid sekolah, pasukan beruniform dan juga pihak swasta.

Jamuan

Turut hadir di majlis itu ialah Raja dan Raja Puan Muda, Menteri Besar Enik Ali Haji Ahmad, pembesar-pembesar negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan. Seramai 1,200 orang menghadiri majlis jamuan teh yang diadakan di rumah tetamu di sini petang ini.

DI PERAK: Walaunpun hujan turun renyai, kira-kira 24,000 orang iaitu murid-murid sekolah, wakil-wakil pertubuhan, badan-badan beruniform, jabatan-jabatan kerajaan dan anggota pasukan keselamatan berhimpun di padang Perbandaran Ipoh. Sultan Perak dan Raja Muda turut hadir bagi merasmikan acara perhimpunan itu. Turut hadir ialah Menteri Besar,

Enik Ramli Ngah Talib, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Mohamad Khalil Haji Hussain dan lain-lain penuesar negeri.

Baginda kemudian melepaskan belon sebelum iktidar Hari Kebangsaan dibacakan oleh belia yang mewakili tiga negeri, Melayu, Cina dan India.

Majlis jamuan teh diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar, Enik Ramli Ngah Talib petang ini.

DI SELANGOR: Kira-kira 2,000 orang termasuk Raja Muda dan Raja Perempuan Muda Selangor menghadiri jamuan teh negeri yang diadakan di perkarangan Bangunan Sultan Sallehuddin Abdul Aziz Shah. Kira-kira 1,000 orang menghadiri perhimpunan bagi menyambut perayaan yang sama pagi ini. Perhimpunan itu diteruskan dalam keadaan hujan lebat.

DI NEGERI SEMBILAN: Yang Dipertuan Besar dan Tunku Ampuan Negeri Sembilan adalah antara kira-kira 2,000 orang yang menyaksikan pertunjukan kebudayaan di Padang Negeri di sini pagi ini.

Baginda menyampaikan hadiah pertandingan Kaupung Cendek dan Keluarga Teladan Negeri yang diadakan di negeri itu sejak awal tahun ini.

DI MELAKA: Kira-kira 2,000 peserta pasukan beruniform, badan-badan sukarela dan tiga buah kilang swasta mengambil bahagian dalam perbarisan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir di sini.

Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan menerima tabuk hormat daripada perbarisan.

Antara acara menarik ialah deklamasi sajak oleh penyajak, Noor S.M. dan nyanyian lagu-lagu serta pertunjukan pancaragam.

DI JOHOR BAHRU: Kira-kira 20,000 orang mengambil bahagian dalam perhimpunan rakasa yang diadakan di Padang Besar di Jalan Air Molek di sini termasuk 5,000 orang di Batu Pahat dan 5,000 peserta di Muar.

Di Muar, lebih 5,000 orang kakitangan kerajaan, anggota pertubuhan sukarela dan pekerja kilang mengambil bahagian dalam perhimpunan Hari Kebangsaan di Stadium Sultan Ibrahim.

DI KELANTAN: Kira-kira 3,000 orang dari berbagai-bagai jabatan, agensi kerajaan, pertubuhan sukarela dan orang awam mengambil bahagian dalam perarakan Hari Kebangsaan ke-26 negeri Kelantan di sini pagi ini.

DI PAHANG: Kira-kira 5,000 orang terdiri dari ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan sukarela, jabatan-jabatan kerajaan, tentera, polis dan badan-badan swasta menyertai perhimpunan rakasa.

DI SABAH: Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Mohamed Adnan Robert mengetuai kira-kira 1,000 orang menghadiri jamuan teh Hari Kebangsaan di Taman Putera Phillip, Tanjung Aru hari ini.



SERI PADUKA Baginda Yang Dipertuan Agong membesarkan tabuk hormat dari sebelah sebuah pasukan pancaragam yang menyertai perbarisan rakasa Hari Kebangsaan ke-26.

Menteri-Menteri Kabinet juga memberikan tepukan gemuruh kepada peserta-peserta pasukan pancaragam itu.

Bahan asal dari Aikib Negara Malaysia